

02 AUG 2000

SELANGOR SEDIA ACARA MENARIK SEMPENA MERDEKA

SHAH ALAM, 2 Ogos (Bernama) -- Selangor yang menjadi tuan rumah sambutan Hari Kemerdekaan peringkat kebangsaan kali ke-43 tahun ini, menyenaraikan pelbagai acara menarik selama sebulan mulai 17 Ogos ini bagi memeriahkan sambutan.

Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata antara acara menarik yang diatur adalah pameran logo, kempen Jalur Gemilang, pelancaran bulan kemerdekaan, majlis santapan negeri, pertunjukan padang dan acara tradisi sambutan iaitu perbarisan serta perarakan pelbagai kontinjen.

Beliau berkata majlis sambutan diambang Merdeka 2000 akan berlangsung di Dataran Shah Alam pada 30 Ogos bermula dari pukul 4 petang yang akan diisi dengan acara-acara seperti pesta permainan rakyat, persembahan irama gendang pelbagai kaum, persembahan lagu-lagu patriotik, wayang kulit tarian naga, pantomin dan count down detik 12 malam.

"Majlis itu akan diserikan lagi dengan keberangkatan Yang Di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah, Pemangku Raja Selangor, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi serta Menteri-menteri Kabinet," katanya pada sidang media di sini hari ini selepas mempengerusikan mesyuarat exco negeri di sini.

Dalam perkembangan lain, Abu Hassan berkata Dewan Undangan Negeri Selangor yang akan bersidang selama tiga hari mulai Isnin ini akan membahaskan lima Rang Undang-undang termasuk Enakmen Bandaraya Shah Alam 2000 bagi melancarkan pelaksanaan penganugerahan status bandaraya kepada Shah Alam menjelang Oktober ini.

Abu Hassan juga mengumumkan pelantikan bekas Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Shah Alam (MPSA), Datuk Mohd Adzib Mohd Isa sebagai Pegawai Kewangan Negeri yang baru menggantikan Datuk Abdul Aziz Mohd Yusof yang ditukarkan ke Melaka.

-- BERNAMA

AZH LAT